

## **TARIAN PINAKANG DAN CABARAN DALAM MEMARTABATKAN BUDAYA MASYARAKAT KIMARAGANG**

### ***PINAKANG DANCE AND CHALLENGES IN DIGNIFYING KIMARAGANG CULTURE***

Nordiana Nasuha Molinka

Muzium Sabah, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Correspondence Author (s): Nordiana Nasuha Molinka (email: dianamolinka@gmail.com)

#### **ABSTRACT**

*The Kimaragang people are rich in cultural values that are distinct and unique culture compared to other Dusunic ethnic groups in Sabah. There are a few traditional dance types, such as pinakang, momiluk, and mongilag. The pinakang dance is considered the main dance performed by the Kimaragang people in the Kudat region, which is in the districts of Kota Marudu and Pitas. The study aims are related to the pinakang dance and the challenges faced and suggestions for uplifting the culture of Kimaragang community. The research method was used through interviews, observation, and library research on the dance and culture of the community. Hopefully, the study will be able to give up-to-date information, explanations, and enlightenment on the issue of Dusun Kimaragang traditional cultures in Sabah.*

**Key words:** Kimaragang, Pinakang, traditional, dance, Dusun, harvest festival

#### **ABSTRAK**

Masyarakat Kimaragang kaya dengan nilai budaya yang unik dan berbeza berbanding dengan masyarakat rumpun *Dusunic* yang lain. Terdapat beberapa jenis tarian tradisional seperti *pinakang*, *momiluk* dan *mongilag*. Perbincangan dalam kajian ini adalah menfokus kepada tarian *pinakang* yang menjadi tarian utama dalam masyarakat Kimaragang di bahagian Kudat iaitu di daerah Kota Marudu dan Pitas. Perbincangan adalah berkaitan dengan latar belakang tarian *pinakang*, cabaran yang dihadapi dan cadangan dalam memartabatkan budaya masyarakat Kimaragang. Metod kajian yang digunakan adalah melalui kaedah temubual dan pemerhatian serta kajian perpustakaan terhadap tarian dan kebudayaan masyarakat tersebut. Diharapkan dengan adanya kajian seumpama ini dapat memberikan data terbaharu, penjelasan dan pencerahan terkini terhadap budaya tarian tradisional masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah.

**Kata Kunci:** Kimaragang, Pinakang, tradisional, tarian, dusun, kaamatan

#### **Pengenalan**

Masyarakat Kimaragang mempunyai beberapa jenis tarian tradisional seperti *momiluk*, *mongilag* dan *pinakang* (Affendi Sobry, 2012). Walau bagaimanapun, tarian *pinakang* adalah hak mutlak dan tarian yang sangat popular dalam kalangan masyarakat

Kimaragang di daerah Pitas dan Kota Marudu (Jamaul Inotol, 2024; Saiman Ginsari, 2022; Lilian Lee, et.al., 2022; Victor Pangayan & Shafii, 2021; Victor Pagayan 2016; 2014; Damilan, 2017; Jacqueline Pugh-Kitingan, 2015; Shim, 2007). Biasanya, tarian tersebut ditarikan semasa hari keramaian atau perkumpulan besar seperti Kaamatan, Pesta *moginakan*, majlis perkahwinan atau pertunangan dan majlis-majlis rasmi di sekolah, kampung serta daerah. Secara umumnya, tarian tersebut adalah mudah kerana boleh ditarikan oleh sesiapa sahaja walaupun bukan berbangsa Kimaragang.

### **Asal usul Pinakang**

Berdasarkan cerita lisan masyarakat Kimaragang, masyarakat awal Kimaragang hidup berkumpulan dan tinggal dalam rumah panjang (*binatang*) seringkali melakukan pekerjaan secara bergotong-royong (*mitatabang*). Mereka tidak mempunyai pakaian yang baik untuk melindungi tubuh daripada keadaan persekitaran selain menggunakan daun kayu dan kulit binatang. Akhirnya, mereka sepakat untuk menjadikan kulit kayu *timbagan* atau *togop* sebagai pakaian kerana lebih utuh, tahan lama dan selesa (Jamaul, 2024; Unun Buang, 2024; Momoh Buang, 2024).

Kepingan kulit kayu yang diambil dipisahkan dengan kaedah meraut pada bahagian kulit luar. Bahagian kulit dalam yang lembut atau dikenali sebagai kulit manis diproses secara berperingkat dan bekerjasama sehingga menjadi pakaian (Jamaul, 2024). Selepas membuang kulit luar, proses *mamakang* iaitu proses menanggalkan dan melembutkan kulit kayu dengan cara memukul dan mengetuk. Bagi mendapatkan hasil yang terbaik, mereka mengapungkan bongkah kayu ke dalam sungai yang cetek dan dipukul atau dipalu menggunakan batu atau pemukul khas secara perlahan-lahan sehingga kulit kayu tersebut tertanggal. Proses *mamakang* dilakukan dengan teliti dan gerak lembut supaya kulit kayu yang dihasilkan adalah bermutu, halus, lembut dan nipis (Jamaul, 2024; Pagayan, 2016). Oleh kerana mereka melakukan kerja secara berkumpulan maka secara tidak sengaja bunyi paluan tersebut menghasilkan satu irama muzik yang mengasyikkan (Kuiyin, 2023; Jamaul, 2024).

Pada satu ketika, semasa kumpulan masyarakat Kimaragang sedang *mamakang* di tepi sungai salah seorang daripada mereka yang berperwatakan lucu atau *akakaso* tiba-tiba menari dengan gaya tarian tersendiri. Semasa asyik menari, tiba-tiba kelihatan dua ekor helang terbang rendah berlegar-legar di atas mereka. Si penari pun menari sambil mengepak-ngepakkan tangan meniru gerak-geri helang tersebut (Jamaul, 2024; Unun, 2024). Bertitik tolak dari itu, apabila masyarakat Kimaragang berkumpul dan bersantai di dalam *binatang*, tarian *pinakang* yang berhasil semasa proses *mamakang* menjadi pilihan sebagai bahan hiburan.

Penulisan berkaitan *pinakang* telah bermula pada 1984 oleh Ismail Abbas dan Shaong, Affendi Sobry (2012) dan Pagayan (2014). Pengkaji terdahulu menyentuh berkenaan dengan perkaitan *pinakang* dan ritual (Abbas dan Shaong, 1984) dan gerak tari dalam *pinakang* (Pagayan, 2014). Pendokumentasian terhadap *pinakang* masih terlalu kurang dalam mengisi lompong pengetahuan berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Kimaragang. Oleh yang demikian, dengan adanya makalah seumpama ini diharapakan dapat memberikan informasi dan maklumat bermanfaat kepada masyarakat serta sebagai rujukan para penyelidik serta golongan sarjana.

## Metod kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual terhadap beberapa individu yang berpengalaman atau terlibat secara langsung dalam aktiviti kebudayaan masyarakat Kimaragang yang terdapat di Kg. Salimpodon Darat, Pitas dan kampung-kampung seperti di kawasan sekitar Kg. Mampakad dan Kg. Sinanggip. Antaranya adalah, Odu Unun Buang (95 tahun), Odu Momoooh Buang (91 tahun), Pn. Ayunan Panggi (75 tahun), Pn. Juliah Inotol (65 tahun), En. Kuiyin Miring (64 tahun), Jamaul Inotol (55 tahun) dan Pn. Norlina Molinka (43 tahun). Pemilihan mereka sebagai responden adalah berdasarkan kriteria yang mereka miliki sebagai orang lama yang berpengalaman, bobolian, pemukul kulintangan dan gong serta penari pinakang yang aktif. Selain kaedah temubual, pemerhatian terhadap tarian dilakukan dan kajian perpustakaanturut dilakukan. Pemilihan Kg. Salimpodon Darat sebagai ruang lingkup kajian adalah kerana kawasan tersebut aktif dalam pembuatan busana tradisional Kimaragang, aktiviti kebudayaan tarian dan mempunyai beberapa orang tenaga pengajar persendirian dalam pembuatan busana Kimaragang. Oleh itu, kajian ini fokus kepada tarian pinkang tradisional dan perbincangan berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi masakini dalam memartabakan tarian tersebut.

## Dapatan Kajian

Pada awalnya istilah *pinakang* dirujuk kepada produk yang dihasilkan iaitu pakaian daripada kulit kayu. Kemudiannya, istilah tersebut turut digunakan bagi merujuk rentak muzik yang berhasil daripada ketukan atau paluan, dan rentak tari yang berhasil secara spontan semasa proses *mamakang* berlangsung (Jamaul, 2024; Momoooh, 2024; Juliah, 2022; Norlina, 2022; Pagayan, 2014). Secara umumnya, perkataan *pinakang* memberikan tiga pengertian iaitu pakaian, muzik dan tarian yang berhasil dari satu perbuatan iaitu *mamakang*. Seiring dengan peredaran masa, muzik *pinakang* kini dialunkan menggunakan paluan beberapa jenis gong dan kulintangan (Kuiyin Miring, 2023). Walaupun menggunakan perkataan yang sama, namun perkara tersebut tidak mengelirukan masyarakat tradisional Kimaragang kerana mereka mampu memahami berdasarkan situasi.

## Tarian *Pinakang*

Tarian *pinakang* menggunakan irama dan rentak muzik *pinakang* yang berbeza dengan irama muzik *polonit* yang digunakan semasa tarian *momiluk* dan *mongilag* (Jamaul 2024; Kuiyin, 2023). Dalam tarian *pinakang* penari perempuan dan lelaki menari tarian yang berbeza iaitu *mangandak* (perempuan) dan *mongigol* (lelaki). *Mangandak* adalah merujuk kepada keadaan tangan yang diangkat lebih kurang 45 derjah dan kaki dihenjut perlahan-lahan sambil berpusing secara melawan jam sehingga membentuk satu pusingan sebelum membalas dengan pusingan mengikut arah

jam mengikut rentak muzik. Manakala *mongigol* pula adalah tangan didepakan dan digerakkan sesuai irama muzik sambil kaki digerak-gerakan kecil dan secara perlahan-lahan. Biasanya setiap kali berlakunya perubahan gerak tari penari lelaki *mamangkis* sebagai arahan kepada penari wanita untuk *mitalib* (bersilang atau mengubah posisi kedudukan) dan *sumirid* (menari setempat) (Jamaul, 2024; Ayunan Panggi, 2022; Juliah, 2022; Norlina, 2022; Pagayani, 2014).

Kareografi (Jadual 1) secara tradisional dalam tarian *pinakang* adalah seperti *mitungaran* iaitu sepasang (Foto 1), *lintangaon* yang merujuk kepada penari lelaki diletakkan di bahagian tengah di antara dua penari wanita (Foto 2) dan *liwotungon* pula adalah penari lelaki dikurung / dikerumui oleh sejumlah penari wanita (Foto 3). Kini, pelbagai kareografi telah wujud seperti bentuk huruf A, E, H, dan V. Kareografi tersebut adalah kareografi moden hasil cetusan idea dan kreativiti (Jamaul, 2024). Tarian *pinakang* boleh ditarikan oleh minimum dua orang iaitu seorang lelaki dan perempuan atau bergantung kepada suasana dan majlis.

Jadual 1: Kareografi Tradisional dalam Tarian *Pinakang*

Jenis	Jumlah penari	Suasana	Catatan
<i>Mitungaran;</i>	1 lelaki dan 1 perempuan	Tidak formal; suasana adat	Pasangan pengantin dan dalam sambutan keramaian
<i>Lintangaon</i>	1 lelaki dan 2 perempuan	Formal dan tidak formal	Suasana formal seperti sambut tamu dan perasmian majlis. Suasanat tidak formal seperti keramaian dan perkumpulan sosial
<i>Liwotungon</i>	1 lelaki dan 4 perempuan atau 1 lelaki dan perempuan lebih dari empat	Tidak formal	Biasanya dalam aktiviti sosial dan keramaian

Sumber: Jamaul, 2024; Juliah, 2022).

Foto 1 Kareografi *Mitungaran*



Sumber: Koleksi Penulis

**Foto 2 Kareografi *Lintagaon***



Sumber: Koleksi Penulis

**Foto 3 Kareografi *Liwotungon***



Sumber: Koleksi Penulis

Tarian *pinakang* merupakan sumber hiburan masyarakat tradisional dan tiada unsur ritual. Masyarakat tradisional menggunakan tarian sebagai cara mereka bersosial dan berhibur bersama-sama dengan masyarakat dalam *binatang* (Unun Buang, 2024). Melalui tarian *pinakang* aura positif dapat dirasai oleh setiap masyarakat yang berada bersama-sama menyaksikan kerana suasana harmoni, kesatuan dan persefahaman yang

tinggi masyarakat yang terlibat. Biasanya, ketika suasana tidak formal ia lebih santai, kreatif dan bebas melakukan gerak tari. Terdapat juga individu yang mengambil peranan sebagai *mangangat* (mempelawa) bagi membuatkan suasana ceria, humor dan proses tarian berjalan lancar (Kuiyin, 2023; Norlina, 2022; Pagayan, 2014).

### **Isu dan Cabaran Tarian *Pinakang***

Saban hari, tarian *pinakang* menghadapi cabaran yang getir dan meruncing. Hari demi hari tarian tersebut semakin dilupakan terutamanya oleh golongan muda (Jamaul, 2024; Juliah, 2023, Norlina, 2023) dalam masyarakat Kimaragang itu sendiri. Kekangan yang terbesar adalah berkaitan dengan kesedaran kendiri dan pertubuhan yang mewakili bangsa itu sendiri. Selain itu, pengaruh media sosial turut menyumbang secara tidak langsung menyebabkan generasi muda terleka (Muhammad Adil Fikri, 2022; Mohd Shobi *et.al.*, 2016). Isu dan cabaran yang dihadapi oleh tarian *pinakang* turut mengheret muzik *pinakang* dan busana tradisional ke dalam kekangan yang sama (Kuiyin, 2024; Juliah, 2023, Norlina, 2023). Permasalahan yang wujud sudah lama namun tidak diberikan perhatian secara serius oleh para pemimpin masyarakat.

Cabarannya terbesar dalam memartabatkan tarian *pinakang* adalah kelemahan nilai jati diri dalam masyarakat Kimaragang itu sendiri. Nilai jati diri merujuk kepada gaya hidup dan keperibadian seseorang yang terbentuk hasil daripada bahasa, budaya, adat resam yang menjadi tunjang dalam kehidupan (Mohd. Yusof Othman *et.al.*, 2012). Faktor penyumbang kepada kelemahan jati diri adalah kerana kurang mengetahui asal-usul atau susur galur bangsa dan budaya yang terdapat dalam bangsa itu sendiri. Oleh kerana kurang mengenali bangsa sendiri membawa kepada keadaan buta budaya dan sikap tidak mengambil kisah terhadap kepentingan melestarikan kebudayaan bangsa.

Tambahan pula, persatuan-persatuan yang diwujudkan untuk mewakili masyarakat Kimaragang kurang menyerlah seperti lebah kehilangan sengat serta asyik timbul dan tenggelam dibawa oleh arus masa. Antara persatuan yang wujud adalah Persatuan Kimaragang Sabah Bersatu (PKSB), Persatuan Kimaragang Malaysia (PKM) dan Persatuan Kimaragang Sabah di Semenanjung (PKSS). PKSB kini dikenali sebagai Persatuan Kimaragang Sabah (PKS) (Sabah Gazette, 2022). Aktiviti persatuan hanya aktif pada bulan-bulan tertentu seperti semasa sambutan pesta Kaamatan atau pesta *moginakan*. Contohnya, Pesta *Moginakan* dilakukan pada 2018 dan berehat seketika sebelum diadakan semula pada 2022 (Berita wilayah, 2023). Perkara tersebut menyebabkan aspek kebudayaan tidak berkembang kerana kekurangan daya penarik kepada masyarakat terutamanya golongan muda untuk mengambil peduli budaya sendiri. Tambahan pula, pertubuhan yang terlalu banyak dalam mewakili satu etnik Kimaragang membawa kepada ketidaksatuan dan bergerak dengan agenda tersendiri. Sungguh pun demikian terdapat juga beberapa individu mengambil inisiatif bergerak sendiri seperti membuka kelas membuat busana Kimaragang dan kelas tarian.

Selain itu, cabaran turut dirasai dalam pengendalian irama muzik *pinakang*. Golongan bijak pandai yang pakar dalam melantunkan bunyi irama gong dan kulintangan (Foto 4) semakin kurang dan kini, terdapat hanya beberapa orang dewasa sahaja yang boleh bermain dengan baik. Kekangan tersebut bertambah parah apabila

peralatan muzik *pinakang* adalah terlalu mahal dan berada di luar jangkauan ekonomi masyarakat. Busana tradisional juga terpalit sama kerana dalam suasana majlis rasmi dan adat, busana tradisional iaitu *kinaling + sinudaan* dan *lapoi + sinudot* (Molinka, 2023; Pagayan, 2012; 2014; 2016) adalah pakaian yang sering digayakan. Namun, kekangan terbesar dalam busana tradisional adalah berkaitan dengan sumber untuk mendapatkan set pakaian yang lengkap.

**Foto 4 Kumpulan Pemain Muzik Sedang Memalu Set Kulintangan Dan Gong**



Sumber: Koleksi penulis

Isu berkaitan dengan sumber dan penyampaian maklumat kepada masyarakat turut menjadi satu cabaran besar kerana masyarakat Kimaragang yang berusia (*informer*) semakin berkurangan. Malahan, kebanyakkan mereka yang telah pergi adalah yang berpengalaman, berpengetahuan dan mampu memberikan maklumat berkaitan dengan kehidupan tradisional masyarakat Kimaragang. Aktiviti dokumentasi terhadap aktiviti kehidupan tradisional amat kurang dan terhad. Penglibatan penyelidik berbangsa Kimaragang dalam mengumpul maklumat berkaitan kebudayaan masyarakat Kimaragang secara ilmiah juga amat kurang. Antara pengkaji yang pernah menulis berkaitan masyarakat Kimaragang adalah seperti Damilan (2018), Pagayan (2012, 2014;2016;2021), dan Molinka (2023).

Keghairahan mengejar kemajuan teknologi dan dunia tanpa sempadan turut menjadi cabaran kepada pemantapan tarian *pinakang*. Generasi muda kurang berminat terhadap tarian tradisional kerana tarian berkenaan tidak menarik, membosankan, kurang moden dan ketinggalan zaman. Media sosial seperti facebook, tiktok dan X menjadi sumber hiburan utama kerana sering menghidangkan perkara yang viral termasuk tarian yang sering menjadi tren dalam kalangan muda-mudi di dunia maya (Muhammad Adil Fikri, 2022; Mohd Shobi *et.al.*, 2016). Isu dan cabaran yang dilalui seharusnya dipandang berat dan perlu dibendung dengan menggunakan media sosial dari sudut yang positif dengan menjadikan media sosial sebagai medan ilmu dan informasi berkaitan supaya kebudayaan masyarakat Kimaragang tidak hilang ditelan zaman.

## Memartabatkan Budaya Kimaragang

Berdasarkan isu dan cabaran yang telah dibincangkan, usaha memartabatkan tarian *pinakang* mengalami cabaran paling besar disebabkan oleh faktor dalaman iaitu berasal dari dalam masyarakat Kimaragang itu sendiri. Kesedaran kendiri perlu dipulihkan dan diperkasakan semula serta menjadi fokus utama dalam merangka langkah memartabatkan kebudayaan Kimaragang.

Sehubungan dengan itu, penubuhan sebuah pusat kebudayaan Kimaragang yang merangkumi seluruh aspek budaya iaitu merangkumi adat dan ritual, muzik, tarian serta pakaian tradisional. Penubuhan pusat berkenaan adalah bertujuan untuk membentuk dan membangun sebuah persekitaran yang menghimpunkan individu atau masyarakat yang sedar bahawa pentingnya pembangunan jati diri bangsa sendiri. Justeru itu, persekitaran yang terhasil sudah tentunya dalam suasana harmoni dan nilai jati diri semakin bertambah (Abdul Latiff, 2012; Muhd. Yusof Hasan, 2012) dalam peribadi seseorang serta semakin menjawai budaya bangsa sendiri. Bagi menjayakan penubuhan pusat kebudayaan berkenaan, Persatuan Kimaragang Sabah (PKS) harus mengambil langkah efektif dalam melatih tenaga pengajar baharu dalam tarian *pinakang*, muzik, pakaian dan lain-lain sebagai tindakan ke arah kelestarian budaya.

Pusat kebudayaan tersebut bukan berperanan sebagai rumah kebudayaan semata-mata tetapi turut berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat, mini galeri dan tempat perkumpulan untuk majlis dan aktiviti. Seandainya, penubuhan pusat kebudayaan tersebut berjaya, banyak perkara positif yang bakal berlaku bukan sahaja dapat memartabatkan tarian *pinakang* tetapi mewujudkan peluang prasarana pekerjaan dan perniagaan kepada peniaga kecil sekaligus memberikan kelebihan kepada persatuan. Secara tidak langsung, eksport tenaga kerja ke luar negara seperti Singapura adalah berkurangan. Penubuhan pusat budaya tersebut belum terlalu lewat untuk dilaksanakan selagi golongan dewasa yang bijak pandai dan berpengalaman dalam aspek kebudayaan masih ada. Golongan sasaran yang bakal terlibat adalah kanak-kanak, remaja, golongan dewasa dan veteran terlibat dalam sebarang aktiviti kebudayaan. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Selain itu, kepimpinan dalam PKS dan PKM, PKSS haruslah melibatkan individu yang berkelayakan dari pelbagai latar belakang pendidikan dan berpengalaman serta bebas daripada pengaruh politik. Perkara ini sangat penting dalam memantapkan lagi kepimpinan PKS dan membawa persatuan maju ke hadapan hasil daripada sumbangan buah fikiran yang kritis, bernalas, relevan dan kreatif. Ketiga-tiga persatuan tersebut harus bersatu dan berhubungan baik dalam menjalankan agenda persatuan masing-masing atau bergabung menjadi satu organisasi agar menjadi lebih kuat dan bersatu. Program sepanjang tahun (Diana Azis, 2022) harus dirancang dengan rapi dan dilaksanakan penuh komitmen demi memastikan setiap program yang telah disusun terlaksana secara berterusan dan konsisten serta dapat memberikan impak positif kepada seluruh lapisan masyarakat khususnya masyarakat Kimaragang. Persatuan Kimaragang harus mempunyai hubungan yang baik dengan persatuan kebudayaan yang lain terutamanya *Kadazan Dusun Cultural Association* (KDCA), Lembaga Kebudayaan Sabah (LKNS) dan Jabatan Muzium Sabah. Hubungan baik

tersebut penting dalam menjaga keharmonian dan memudahkan kerjasama dalam sebarang aktiviti kebudayaan.

Pendokumentasian secara bertulis dan visual interaktif terhadap budaya masyarakat Kimaragang adalah sangat penting supaya segala maklumat asas seperti tatacara tarian, muzik dan tatacara pemakaian busana tradisional dapat dicapai oleh seluruh lapisan masyarakat khasnya masyarakat Kimaragang. Pendokumentasian secara ilmiah amat penting sebagai langkah pelestarian budaya bangsa supaya setiap maklumat penting dapat direkodkan dan menjadi rujukan pada masa akan datang. Oleh itu, kerjasama pengkaji, masyarakat dan sokongan daripada PKS sangat perlu dalam memperkasakan budaya bangsa agar lebih banyak maklumat dapat dibukukan.

Walau bagaimanapun, cadangan langkah memartabatkan yang diajukan mempuai cabaran tersendiri seperti kekangan dana kewangan dan juga kekangan masa oleh individu-individu yang terlibat. Kebanyakan barisan kepimpinan dalam persatuan mempunyai komiten yang lain. Penyediaan barang seperti set gong dan kulintangan, peralatan menyulam dan aksesori pakaian tradisional memakan belanja yang besar. Namun di mana ada kemahanuan, di situ ada jalan dan hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Perjuangan memartabatkan dan memelihara warisan kebudayaan masyarakat Kimaragang adalah perjuangan semua yang berdarah Kimaragang tidak kira lokasi dan geografi. Setiap cabaran dapat diatasi jika saling bekerjasama dan peka kepada kepentingan kelestarian budaya bangsa.

## Kesimpulan

Tarian *pinakang* adalah tarian yang telah wujud sejak zaman masyarakat tradisional sebagai cara masyarakat Kimaragang berhibur dan memanfaatkan masa terluang. Selain sebagai wadah untuk berhibur, masyarakat tradisional Kimaragang menggunakan tarian tersebut sebagai cara untuk berinteraksi sosial dan mewujudkan suasana harmoni, ceria dan kebersamaan. Pelestarian dan memartabatkan budaya bangsa perlu dilakukan supaya generasi penerus dapat menikmati jati diri bangsa masyarakat Kimaragang. Impak daripada budaya yang terpelihara bukan sahaja dinikmati oleh bangsa itu sendiri tetapi turut meningkatkan potensi eko-pelancongan berasaskan sosio-budaya. Oleh itu, tanggungjawab kelestarian budaya adalah tanggungjawab bersama. Budaya melambangkan bangsa, tanpa budaya matilah bangsa.

## Rujukan

- Abbas, I & Shaong, C. (1984). *Tarian-Tarian Tradisional Negeri Sabah*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Abdul Latiff, A. B., (2012). Jati Diri dan Patriotisme Berpaksikan Sejarah. Abdul Latiff, A. B., (Peny.). *Perlembagaan dan Dasar Kerajaan.Jati diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia*, Universiti Pendidikan SultanIdris, 1-34.
- Berita RTM. (20 Ogos 2023). Berita wilayah [video]  
YouTube: <https://www.youtube.com/watch?v=8HroasGjKl0>

- Diana. A., (2022, November 25). *Cabaran Lestarikan Seni Budaya*, Sinar Harian, <https://www.sinarharian.com.my/article/233312/berita/nasional/cabaran.lestarikan.seni.budaya>
- Damilan, M. (2018). Aki Tumunda: Tokoh Masyarakat Dusun Kimarangang di Kota Marudu dari sudut Sejarah Lisan. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1. 1-10.
- Ginsari. S. (2022). *Sejarah Migrasi Dusun di Sabah*, Institut Perguruan Kampus Kent: Tuaran, Sabah.
- Lee, L. S. G., & Pagayan, V., Kordmodanlou, D. (2022). Kimaragang Folklore Game App Development: 'E' Gandung. *Journal of Management Information and Decision Sciences*, 25(1) 1-13.
- Mohd. Yusof, O., Jamilah, D., Abdul Latif, S. H., Noor Aziah, M. A., Shamsul, A. Y., Rosilawati, M. H., Noralina, O., & Mujahid, A. B., (2012). Jati Diri Kebangsaan dalam Kalangan pelajar IPT. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Mohd Sobhi, I., Awan, I., Bakri, M., Azahar, K., Shariffah, M., & Norati'qah, T. (2016). *Belia dan Penggunaan Media Sosial*. *Malaysian Journal of Youth*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Muhammad Adil Fikri, M. H. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya dalam Masyarakat Malaysia. *Jurnal Prespektif*, 15:24-27.
- Muhd. Yusof, H., (2012). Jati Diri dan Patriotisme Berdasarkan Nilai-Nilai Murni Global. Abdul Latiff, A. B., (Peny.). *Perlembagaan dan Dasar Kerajaan. Jati diridan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia*, Universiti Pendidikan SultanIdris, 152-172.
- Molinka, N. N.,(2023). Warisan Budaya Kimaragang: Ragam Hias Kinaling. *Jurnal Kinabalu*, 29.
- Sobry, A. A. (2012, Januari 20). *Kimaragang Teguh Pertahankan Seni Budaya*, Berita Harian, 8-9.
- Pangayan, V. B., & Shafii, A. S. H. (2020). Sistem Bi'nattang etnik Kimaragang di Sabah: Satu Tinjauan Susun Lapis Sosial Pada Zaman Silam. *Gendang Alam*, 10(1):49–61.  
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/2513>
- Pangayan, V., Shafii, A. S. H., & Low Kok On. (2018). Meanings and Symbols in The Decorative Motifs and Patterns of Sinudot and Lapoi of The Kimaragang's Costume. *Advance in Social Science, Education and Humanities Research*, 44–49.

Pangayan, V., Shafii, A. S. H., & Kok On, L. (2017). Meanings, Symbols And Local Wisdom in The Pinakang Dance Movements, Costumes and Accessories of The Kimaragang in Sabah. In D. Md Naim, M. I. Ahmad, A. S. H. Shafii, S. Che Lah, N. Esa, & N. F. Low Abdullah (Eds.), 7th International Conference on Local Knowledge (ICLK 2017) (pp. 159–163). Sekretariat Kearifan tempatan, USM.

Pangayan, V., Shafii, A. S. H., & Kok On, L. (2016). Tarian Pinakang Etnik Kimaragang di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak. In L. Kok On, J. Humin, C. C. Sim, I. Ismail, S. J. J. C, B. A. Bromeo, & I. A. Achin (Eds.), International Conference On The Heritage and Folklore of The Malay Archipelago: Heritage and Identity (pp. 428–432). Borneo Heritage Research Unit, Faculty of Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah.

Pangayan, V., Low Kok On, & Shafii, A. S. H. (2016). Kostum Tradisional Etnik Kimaragang di Sabah: Analisis Unsur Perubahan Dan Kearifan Tempatan. In D. M. Naim, M. I. Ahmad, A. . H. Shafii, N. Isa, S. C. Lah, & N. F. L. Ahmad (Eds.), 6th Conference On Local Knowledge 2016 (ICLK): Local Wisdom: Universal Heritage (pp. 242–246). Sekretariat Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia.

Pangayan, V., (2014). Tarian Pinakang Etnik Kimargang: Konteks Persembahan dan Perubahan Kostum. Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah.

Pangayan, V., & Kok On, L. (2013). Konsep Rekaan Kostum Dan Aksesori Tarian Pinakang Etnik Kimaragang di Sabah. 3rd Performing Arts as Creative Industries in Asia (PACIA 2013).

Pugh-Kitingan. J. (2015). Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationship with Surrounding Areas. *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia*, 269-294.

P. S. Shim. (2007). Inland People of Sabah: Before, During and After Nunuk Ragang, Borneo Cultural Heritage Publisher.

Sabah Gazette. (22 Ogos 2022). Ruddy Awah, Presiden Baharu Persatuan Kimaragang Bersatu.  
<https://www.sabahgazette.com/ruddy-awah-presiden-baharu-persatuan-kimaragang-sabah/>

## **TEMUBUAL**

Ayunan Panggi (75 tahun), Penggiat kebudayaan Kimaragang dan penari tradisional di Kg. Salimpodon Darat,Pitas, 23 Julai 2022.

Juliah Inotol (65 tahun), Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat, Pitas, 25 Julai 2022.

Jamaul Inotol (55 tahun), Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kimaragang Sabah (PKS) dan pemimpin di Kg.Salimpodon Darat, 24 Februari 2024).

Kuiyin Miring (64 tahun), Penggiat seni dan pemukul kulintangan/gong, Kg. Sinanggip, Pitas, 13 Mei 2023).

Norlina Molinka, (43 tahun), Penggiat busana dan penari kebudayaan Kimaragang di Kg. Salimpodon Darat, Pitas, 27 Julai 2022.

Odu Momoh Buang (91tahun), Bekas Bobolian dan bidan kampung sejak 1940an di Kg.Mempakad-Salimpodon, Pitas, 12 April 2024.

Odu Unun Buang (95 tahun), Bekas Bobolian dan bidan kampung sejak 1940an di Mempakad - Salimpodon, Pitas dan kawasan sekitarnya,12 April 2024.